

551:
MAHATHIR

1974

KOTA BAHARU, 29 SEPT (BERNAMA) — MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD BERKATA DI SINI HARI INI, IA TELAH MENGARAHKAN SUPAYA LATIHAN UNTUK GURU SEMENTARA DISEGERAKAN DAN TEMPAT MEREKA BERLATIH DITAMBAH.

LANGKAH TERSEBUT SEBAGAI MENGATASI KEKURANGAN GURU TERLATIH YANG SEKARANG DIPENUHI OLEH GURU-GURU SEMENTARA.

MENTERI ITU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI DI AKHIR LAWATAN DUA HARI KE SINI BAHAWA SEKARANG ADA KIRA-KIRA 12,000 ORANG GURU SEMENTARA DI SELURUH NEGARA TERMASUK 748 ORANG DI KELANTAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, SEBARANG TEMPAT YANG BOLEH DIDAPATI SEPerti BANGUNAN SEKOLAH YANG TIDAK PAKAI HENDAKLAH DIGUNAKAN SEPENUHNYA BAGI MELATIH GURU-GURU MEMANDANGKAN KEKURANGAN TEMPAT SEKARANG.

BAGAIMANAPUN KAJIAN PERLU DIJALANKAN MENGENAI PENYESUAIAN TEMPAT, TENAGA PENSYARAH DAN KEPERLUAN LAIN SEBELUM RANCANGAN TERSEBUT DIJALANKAN. — BERSAMBUNG 1553/LK

552:
MAHATHIR 2 KOTA BAHARU

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU, KERAJAAN MERANCANG HENDAK MENGADAKAN BANGUNAN BARU BAGI SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERPENCIL DI KELANTAN YANG DAHULUNYA SEKOLAH RAKYAT.

KATANYA, KIRA-KIRA 150 BUAH SEKOLAH RAKYAT DI NEGERI INI TELAH DIAMBIL ALIH OLEH KERAJAAN DAN SEKARANG DIJADIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN.

MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN PELAJARAN DI KELANTAN DR. MAHATHIR BERKATA, HANYA 35 PERATUS SAHAJA DARIPADA PROJEK MALAYSIA KEDUA DAPAT DISIAPKAN SETAKAT INI.

BANYAK RANCANGAN TELAH TERGENDALA KERANA BEBERAPA SEBAB TERMASUK PENGAMBILAN TANAH DAN KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN.

KELANTAN MENDAPAT KIRA-KIRA \$27 JUTA UNTUK PROJEK PELAJARAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA DAN SETAKAT INI KIRA-KIRA \$19 JUTA

SEMASA DI SINI, DR. MAHATHIR TELAH JUGA MENGADAP SULTAN KELANTAN DI ISTANA KOTA LAMA, MENGUNJUNGI MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMAD BIN NASIR DI PEJABATNYA SERTA MELAWAT BEBERAPA BUAH SEKOLAH. —
BERNAMA 1558/LK

73